

KARNIVAL UTHM BERSAMA KARANGKRAF

KARNIVAL
Homecoming Alumni
UTHM

Pembukaan karnival meriah

Pelbagai aktiviti menarik disediakan, peluang bertemu artis dan novelis

KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT - Walaupun baru hari pertama karnival yang dianjurkan secara bersama oleh Pusat Alumni Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Kumpulan Media Karangkraf (Karangkraf), namun kemeriahannya telah dirasai.

Penutut UTHM, Norbaizura Ismail, 20, berkata, dia teruja dengan adanya karnival berkenaan terutamanya jualan buku, novel dan juga majalah yang diadakan sepanjang Karnival Homecoming Alumni UTHM bersama Karangkraf.

Katanya, penutut boleh membeli bahan bacaan dengan harga lebih murah.

"Jualan buku antara yang menarik minat saya dan kawan-kawan, saya boleh mendapatkannya dengan harga lebih rendah, selain beberapa gerai jualan lain seperti baju, tudung," katanya.

Sementara itu, seminar berkaitan perniagaan secara online turut diadakan khusus untuk penutut UTHM, yang disampaikan penceramah jemputan oleh Karangkraf, Engku Anwar Hilmi Engku Zainal Abidin.

Engku Anwar berkata, ceramah diadakan bagi mempelbagaikan perniagaan penutut terutamanya mereka yang berada di ta-



Sebahagian mahasiswa UTHM yang sanggup beratur panjang untuk mendapatkan bahan bacaan kegemaran mereka.

Akhbar Sinar Harian menjadi pilihan utama pengunjung.

hun akhir pengajian.

Katanya, ia juga sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan kelak supaya mereka tidak mengangur dan mempunyai pendapatan sendiri.

"Saya lihat ada sesetengah penutut mempunyai kemahiran tertentu dan boleh dikembangkan menjadi perniagaan secara online, cuma mereka tiada kemahiran atau platform untuk mempromosikannya."

"Dengan adanya kemahiran menggunakan internet atau se-

cara online seperti menggunakan Google, YouTube dan elemen sosial media lain, mungkin perniagaan mereka akan memperoleh kejayaan," katanya.

Hasil tinjauan semalam, penutut, staf dan penduduk setempat tidak putus-putus mengunjungi karnival berkenaan.

Untuk hari ini, pelbagai lagi aktiviti menarik bakal berlangsung termasuklah sukan di kalangan Alumni UTHM sendiri, selain peluang bertemu artis jemputan dan juga novelis dari Karangkraf.



Novel turut menjadi pilihan utama.



Norbaizura Ismail menunjukkan antara novel yang menjadi pilihannya semasa karnival di UTHM, semalam.



Mahasiswa UTHM teruja dengan bahan bacaan yang terdapat di karnival.